

Perseediaan Pejabat PM

Oleh ZULKIFLI JALIL
(WARTAWAN UTUSAN)

Menjelang RMK-9

Di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya sejak beberapa minggu lalu, persiapan lebih rapi diatur oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memuktamadkan draf semakan akhir Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Sesekali dan suatu ketika, jika ada idea dan input yang terlintas dan rasional untuk diguna pakai, beliau akan memanggil pihak berkenaan. Dikatakan sudah beberapa kali draf rancangan lima tahun dari 2006 hingga 2010 itu dipinda pengisiannya dan tidak kurang dipinda ayatnya.

Dan pihak yang paling sibuk menyemak dan memperbaiki semula draf mengikut kehendak Abdullah tidak lain tidak bukan - para pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU) diketuai ketua pengarahnya, Datuk Halipah Esa.

Menurut sumber Pejabat Perdana Menteri, sebenarnya sejak Januari lalu lagi, Abdullah mengambil bahagian secara serius dalam penyediaan draf tersebut. Beliau bertemu dan berbincang dengan timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ketika itu, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. Sehingga beberapa minggu lalu, dokumen padat setebal 587 muka surat pelan RMK-9 akhirnya dicetak.

"Ia bukanlah satu laporan yang terhasil dari idea dan input spontan tetapi telah difikirkan lama oleh Perdana Menteri sejak tiga tahun lepas iaitu melalui pengalaman luas beliau ketika berurusan dalam lawatan kerja di dalam dan seberang laut.

"Orang cakap Pak Lah banyak ilham. Ya, ilham yang digabungkan bersama idea (pembangunan negara) yang diperolehi dari pengamatan beliau terhadap isu-isu antarabangsa dan dalam," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Jelasnya, Abdullah mahu memastikan RMK-9 sebagai pelan pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang perlu di segerakan sebaik sahaja ia dibentangkan di Parlimen pada pukul 4 petang Jumaat ini.

Abdullah mahu semua pihak sedar bahawa pelan itu adalah untuk jangka masa lima tahun dan bukannya sekadar bajet tahunan.

"Beliau mahu semua faham bahawa kita akan melalui perjalanan kedua, 14 tahun ke arah pencapaian Wawasan 2020," kata sumber itu lagi.

Seperti yang kerap disebut dan diberi penekanan oleh Abdullah, RMK-9 menuntut komitmen dan kerja keras yang bukan sedikit.

Teras utama RMK-9 adalah untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi

negara di tahap yang lebih tinggi dan menguruskannya dengan berkesan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang serta integrasi nasional.

Sehubungan itu, RMK-9 akan memberi penekanan kepada soal mengukuhkan modal insan dan membawa perubahan budaya dan sikap. Ia bagi memastikan hasil pertumbuhan ekonomi negara dinikmati dan diagihkan secara saksama kepada seluruh rakyat Malaysia.

Matlamat utama RMK-9 adalah untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang progresif, bersatu padu dan adil.

Dalam suasana ekonomi dan geopolitik dunia yang masih tidak menentu, penekanan utama dasar ekonomi makro bagi RMK-9 adalah untuk meneruskan agenda Dasar Wawasan Negara bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi supaya tidak mudah terjejas berikutan perubahan persekitaran yang berlaku terutama di luar negara.

Usaha akan ditumpukan kepada menggiatkan lagi pertumbuhan ekonomi supaya dapat mengekalkan taraf dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Sememangnya, visi ini bertepatan dengan amanat yang sering diluahkan oleh Abdullah pada majlis-majlis pertemuan dengan rakyat di bandar-bandar dan kampung sebelum ini.

"Kita tidak boleh lagi dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki 'infrastruktur kelas pertama' tetapi 'mentaliti kelas ketiga'," kata Abdullah.

Mengimbangi kembali perancangan pelan ini, ia bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama (RMK-1) dari 1966 hingga 1970 yang diumumkan oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein.

RMK-1 melibatkan perbelanjaan lebih RM1,000 juta dan hampir 75 peratus daripada jumlah tersebut digunakan untuk pembangunan ekonomi dan 25 peratus lagi diperuntukkan kepada rancangan pembangunan sosial, keselamatan dan pentadbiran.

Tahun 1965 adalah peringkat akhir Rancangan Lima Tahun Kedua Tanah Melayu dan kerajaan ketika itu berpendapat satu rancangan perlu dilaksanakan untuk negeri-negeri di Malaysia.

Kejayaan dalam tempoh rancangan lima tahun sebelum itu agak menggalakkan walaupun negara menghadapi ancaman penceroboh luar. Justeru, RMK-1 direncanakan.

Setelah melalui beberapa rancangan



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mempengerusikan perjumpaan dengan pegawai-pegawai tinggi kerajaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

- Bernama

Seperti yang kerap disebut dan diberi penekanan oleh Abdullah, RMK-9 menuntut komitmen dan kerja keras yang bukan sedikit

yang bermatlamat serupa, Malaysia kini menempuh cabaran RMK-9.

Dalam pelan terbaru ini, kerajaan akan berusaha untuk melaksanakan penguasaan fiskal berhemat dengan memastikan tahap defisit Pusat sebagai peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus menurun di tahun-tahun akan datang.

Untuk itu, disiplin fiskal perlu ditingkatkan - khususnya bagi mengawal perbelanjaan. Difahami, bagi tujuan perancangan awal. Peruntukan RMK-9 ditetapkan sebanyak RM150 bilion, iaitu lebih rendah daripada RMK-8 sebanyak RM170 bilion.

Oleh itu, projek baru dalam RMK-9 perlu dipilih secara teliti dan mengikut keutamaan selaras dengan siling yang disediakan.

Pemilihan projek dalam RMK-9 akan berasaskan kriteria tertentu termasuk lebih produktif, mempunyai skop dan kos lebih munasabah dan reka bentuk serta struktur yang tidak hanya tertumpu kepada bersaiz besar, cantik dan mewah.

Pembangunan sumber manusia terus menjadi teras utama pelan ini. Bagi tujuan itu, strategi dan program pembangunan sumber manusia perlu memberi tumpuan kepada melahirkan sumber manusia berkualiti, berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, mempunyai nilai-nilai positif dan mampu meng-

hadapi persaingan global.

Sehubungan itu, sistem pelajaran dan latihan perlu diperkukuhkan supaya lebih responsif kepada perkembangan dan keperluan ekonomi. Di samping itu, pasaran buruh yang lebih cekap dan berkesan perlu diwujudkan bagi menjamin penggunaan sumber manusia secara optimum.

Kesibukan Abdullah dalam sebulan dua ini bagaimanapun tidak menghalang beliau daripada merencanakan program dan dasar kerajaan lain melibatkan kepentingan rakyat.

"Dasar Automotif Nasional (DAN) perlu dimuktamadkan, juga beliau turut meluahkan masa memenuhi kunjungan lawatan para pemimpin asing," kata seorang pegawai JPM.

Menjelang Jumaat ini, jadual Abdullah terutama di pejabatnya semakin sibuk.

Semalam, beliau bertemu Ketua-Ketua Setiausaha dan Pegawai-Pegawai Kanan Persekutuan. Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang dijadualkan semalam turut ditangguhkan sehingga awal bulan depan.

Hari ini, selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, beliau berkegas mengadakan pertemuan dengan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Dan Jumaat, pembentangan pelan RMK-9 - yang sebenarnya terhasil setelah mendapat input segenap lapisan masyarakat di seluruh pelosok negara.